

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2024, Vol 7, Bil 1, Halaman 10-18

SIKAP PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN HAFAZAN AL-QURAN KETIKA BERSEMUKA DAN ATAS TALIAN: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA PUTRAJAYA

Students' Attitudes Towards Learning Al-Quran Memorization During Face-To-Face and Online: A Study at Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya

Sharifah Noorhidayah Syed Aziz ^{1*}, Nurul Iffah Syahirah, ² & Lissailin Baharudin ³

¹ Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43600, Selangor

² Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43600, Selangor

³ Guru Tahfiz Model Ulul Albab, Sekolah Menengah Agama Nilai, 701800 Nilai Negeri Sembilan.

* Corresponding Author: Your Name. Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43900, Selangor, sh.noorhidayah@kuis.edu.my, 011-11930208, ORCID iD. 0000-0002-5770-4004

Artikel dihantar: 23 Januari 2024

Artikel diterima: 24 April 2024

Artikel diterbitkan: 29 Jun 2024

ABSTRACT

In principle, the memorization method has been implemented face-to-face only since the time of the Prophet until now. However, when the outbreak of Covid-19 hit the world, the memorization learning method also experienced changes in its implementation. In order to prevent tahfiz students' memorization of the Qur'an from being affected and dropouts due to the spread of Covid-19, the Malaysian Ministry of Education took the initiative to implement virtual (online) memorization learning methods. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Putrajaya is no exception, with students involved in the Ulul Albab Model Tahfiz Curriculum (TMUA). Face-to-face or virtual memorization methods certainly have differences. Indirectly, the difference between these two learning methods affects students' attitudes towards memorization. Therefore, this study was conducted to compare students' attitudes toward face-to-face and virtual (online) memorization at SMKA Putrajaya. This study uses a quantitative design with a survey research approach. Data collection was collected through a questionnaire that was distributed to 30 students. The selected students are made up of students who have followed the memorization learning method both face-to-face and virtual (online). Data was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software. The results of the study found that there are differences in student attitudes during learning. The study also found that students are more comfortable memorizing face-to-face than online. Overall, although students are more comfortable memorizing face-to-face, online learning methods need to be implemented to avoid memorizing learning being affected.

Keywords

Transmission of Covid-19; Memorization Learning Method; Memorizing the Quran; Student attitude



ABSTRAK

Pada dasarnya, kaedah pembelajaran hafazan dilaksanakan secara bersemuka sahaja sejak dari zaman Rasulullah hingga kini. Namun apabila berlaku penularan Covid-19 yang telah melanda dunia, kaedah pembelajaran hafazan turut mengalami perubahan pelaksanaannya. Bagi mengelakkan hafazan al-Quran pelajar tahfiz terjejas dan berlaku keciciran akibat penularan Covid-19 tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif untuk melaksanakan kaedah pembelajaran hafazan secara maya (atas talian). Tidak terkecuali Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya yang mempunyai pelajar yang terlibat dengan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Kaedah pembelajaran hafazan secara bersemuka mahupun secara maya sememangnya mempunyai perbezaan. Secara tidak langsung perbezaan kedua-dua kaedah pembelajaran ini mempengaruhi sikap pelajar terhadap hafazan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji perbandingan sikap pelajar terhadap hafazan secara bersemuka dan maya (atas talian) di SMKA Putrajaya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan kajian tinjauan. Pengumpulan data dikumpul melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada 30 orang pelajar. Pelajar yang dipilih adalah terdiri dari pelajar yang pernah mengikuti kaedah pembelajaran hafazan secara bersemuka dan secara maya (atas talian). Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan sikap pelajar semasa pembelajaran berlangsung. Kajian juga mendapati pelajar lebih selesa untuk menghafaz secara bersemuka berbanding secara atas talian. Secara keseluruhannya, walaupun pelajar lebih selesa untuk menghafaz secara bersemuka, kaedah pembelajaran secara atas talian perlu dilaksanakan bagi mengelakkan pembelajaran hafazan terjejas.

Keywords

Penularan Covid-19; Kaedah Pembelajaran Hafazan; Hafazan al-Quran; Sikap pelajar

How to Cite: Syed Aziz, S. N., Baharudin, L., & Nurul Iffah Syahirah. (2024). PERBANDINGAN SIKAP PELAJAR TERHADAP HAFAZAN AL-QURAN: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA PUTRAJAYA. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(1), 10–18.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i1.73>

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kaedah pembelajaran hafazan al-Quran dilaksanakan secara talaqqi dan musyafahah sejak dari zaman Rasulullah SAW. Hafazan al-Quran bermula dengan turunnya wahyu yang pertama ketika Rasulullah SAW sedang beribadat di Gua Hira' Al-Buti (1991); Yusuf (2000). Allah SWT telah memerintahkan Jibril A.S untuk menyampaikan wahyu yang pertama dan mengajarkan kepada baginda akan wahyu tersebut iaitu ayat 1 - 5 dari surah al-'Alaq. Pada ketika itulah berlakunya proses pengajaran hafazan al-Quran secara talaqqi dan musyafahah antara Jibril AS sebagai guru dan Rasulullah SAW sebagai murid (Nordin et al., 2019). Rasulullah SAW menerima ayat-ayat al-Quran dari Malaikat Jibril AS dan kemudian menyampaikannya kepada para sahabat menerusi teknik hafazan. Proses penurunan al-Quran berlaku secara berperingkat-peringkat. Proses tersebut sangat membantu dan memudahkan Rasulullah SAW untuk menyampaikannya kepada para sahabat untuk menghafaz, mengingati dan memahami isi kandungannya (Abdul Hafiz et al., 2005).

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, hafazan al-Quran dilaksanakan di pelbagai rangkaian institusi pengajian kerajaan dan persendirian sama ada di peringkat pengajian tinggi, sekolah menengah mahupun sekolah rendah. Di peringkat sekolah menengah, kerajaan telah melaksanakan satu kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) sebagai satu wasilah untuk anak-anak menghafaz al-Quran. Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab dilaksanakan sejak tahun 2014. Kaedah pembelajaran hafazan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah Tahfiz Model Ulul Albab turut menggunakan kaedah talaqqi dan musyafahah seperti zaman Rasulullah SAW.



2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan penularan Covid-19 yang berlaku pada awal tahun 2020 sebagai wabak dunia dan menyebabkan arahan perintah berkurung dilaksanakan (*lockdown*) iaitu situasi apabila rakyat tidak digalakkan untuk keluar dari rumah dan acara-acara yang melibatkan perhimpunan orang ramai dibatalkan (Periasamy, 2020). Situasi ini telah membawa perubahan yang sangat besar kepada keseluruhan aspek kehidupan termasuk sistem pendidikan di Malaysia. Bagi meneruskan sistem pendidikan berjalan seperti biasa, pengajaran dan pembelajaran (PdPR) tetap dilaksanakan secara maya (atas talian). Situasi ini turut memberi cabaran baru terhadap proses pembelajaran hafazan al-Quran kerana sebelum ini proses pengajaran dan pembelajaran (PdPR) secara dalam talian tidak pernah dilaksanakan.

Dalam proses pelaksanaan pembelajaran hafazan al-Quran secara atas talian, pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh guru dan pelajar. Pelbagai cabaran yang ditemui sepanjang pengajaran dan pembelajaran (Pdpr) berlangsung antaranya cabaran guru membentulkan cara sebutan dan makhraj huruf al-Quran pelajar (Mohd Rafiqi et al., 2022). Pelajar tidak dapat memberi fokus pada pembedaan yang dikemukakan guru dan guru pula adakalanya tidak dapat mendengar dengan jelas bacaan dan tidak dapat melihat dengan jelas gerakan bibir dan mulut pelajar akibat masalah teknikal dan gangguan internet (Mohd Rafiqi et al., 2022).

Cabaran lain yang dihadapi adalah apabila guru tidak dapat memastikan pelajar berlaku jujur tasmik tanpa melihat mushaf al-Quran. Namun keadaan ini sukar untuk dipastikan kerana bergantung kepada sikap kejujuran pelajar tersebut (Ashraf Ismail et al., 2020). Guru juga perlu memastikan bahawa para pelajar menghantar hafazan pada setiap hari mengikut muqarrar yang telah ditetapkan (Ahmad Amirul Anwar et al., 2022).

Selain itu, terdapat pelajar yang tidak mempunyai gajet atau telefon pintar peribadi dan terpaksa berkongsi dengan adik beradik yang lain. Hal ini menyebabkan kesukaran pelajar untuk masuk ke kelas tepat pada masa dan mengganggu focus pelajar untuk menghafaz. Adakalanya pelajar tidak mempunyai data internet yang mencukupi dan capaian internet yang kurang baik mengganggu perjalanan kelas berjalan dengan lancar (Ashraf Ismail et al., 2020). Oleh sebab itu, memerlukan usaha yang berganda daripada guru dan pelajar untuk mengadaptasi perjalanan pembelajaran yang baru (Hamdi Ishak et al., 2021).

Apabila situasi pandemik covid-19 sudah kembali pulih pada tahun 2022, kerajaan mengambil langkah untuk membuka semua sektor perindustrian, ekonomi dan terutama sekali sektor pendidikan. Oleh itu, proses pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan secara bersemuka seperti sedia kala. Namun apabila setelah dua tahun para pelajar tahfiz menghafaz al-Quran secara dalam talian, pelajar perlu mengambil masa untuk mengadaptasi proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Oleh itu, dapat dilihat pelbagai sikap pelajar yang ditonjolkan selepas kembali semula ke pengajaran dan pembelajaran bersemuka. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan sikap pelajar terhadap hafazan al-Quran secara dalam talian dan secara bersemuka.

3.0 KURIKULUM TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA)

Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) adalah sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan yang diperkenalkan oleh KPM yang bertujuan untuk melahirkan golongan profesional dan cendekiawan agama yang menghafaz al-Quran. TMUA merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Pendekatan Model Ulul Albab yang menekankan tiga elemen penting iaitu quranik, ijtihadik dan ensiklopedik. Quranik merujuk kepada kemampuan menghafaz 30 juzuk ayat suci al-Quran serta menjadikan al-quran sebagai satu budaya hidup seharian. Ensiklopedik pula dilihat kepada kebolehan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang ilmu dan bahasa. Manakala ijtihadik adalah keupayaan dapat menyumbang idea, membuat penyelesaian masalah, menginovasi dengan memaksimumkan hikmah akal fikiran yang dikurniakan Allah S.W.T dengan sebaik mungkin.

Objektif utama penubuhan TMUA adalah untuk melahirkan ahli professional, teknokrat dan usahawan yang mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai penerus generasi Ulul Albab. Selain itu,



pelaksanaan kurikulum ini juga berhasrat melahirkan generasi Ulul Albab yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

4.0 KELAS HAFAZAN AL-QURAN SECARA BERSEMUKA DAN SECARA ATAS TALIAN DI SMKA PUTRAJAYA

Dalam kurikulum TMUA, setiap pelajar tahfiz perlu menyempurnakan tugas-tugas yang telah ditetapkan iaitu tasmik hafazan baru (aktiviti pelajar memperdengarkan ayat-ayat hafazan baharu di hadapan guru secara individu), tahriri (aktiviti menulis ayat-ayat al-Quran hafazan baharu dalam buku yang disediakan bagi persediaan tasmik), tahdir (aktiviti menyemak dan memperkukuh ayat-ayat hafazan baharu pelajar di hadapan guru secara individu sebagai persediaan sebelum aktiviti tasmik), muraja'ah (aktiviti mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz pelajar di hadapan guru secara individu) dan fiqh al-ayat (aktiviti pelajar menerangkan intisari kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz).

Tugas-tugas yang ditetapkan tersebut perlu disempurnakan dalam kelas hafazan formal atau tidak formal. Kelas hafazan al-Quran secara formal berlangsung selama 2 jam bermula pada jam 7 pagi sehingga 9 pagi. Pada sesi ini pelajar akan tahdir dan tasmik hafazan baru di hadapan guru mereka dan setelah itu mereka perlu murajaah hafazan yang sebelumnya pula agar lebih kekal dalam ingatan. 30 minit terakhir sebelum kelas tamat, iaitu sekitar jam 8.30 pagi hingga 9.00 pagi pelajar akan menyempurnakan tugas fiqh al-ayat pada ayat yang dihafaz. Pelajar tahfiz perlu tasmik sekurang-kurangnya satu muka surat pada setiap hari agar dapat mencapai muqarar yang telah ditetapkan. Di samping itu, mereka juga perlu murajaah hafazan baharu dan hafazan lama sebanyak satu muka surat atau satu maqra' pada setiap hari selepas mereka tasmik muka surat baharu. Manakala, bagi kelas tidak formal pula, pelajar akan menyiapkan tugas menulis tahriri dan menyediakan hafazan baru untuk sesi kelas hafazan keesokan harinya. Kelas tidak formal ini bermula dari jam 7 malam sehingga jam 9 malam dan dipantau oleh guru halaqah. Setiap halaqah tasmik kebiasaannya mempunyai sepuluh atau sebelas orang pelajar dan dibimbing oleh seorang guru tasmik.

Namun apabila berlaku penularan COVID-19 ini telah membawa perubahan dari segi pelaksanaan kelas tasmik. Namun, tugas tahdir, tasmik, tahriri, murajaah dan fiqh al-ayat perlu disempurnakan juga. Kelas hafazan dilaksanakan secara dalam talian. Terdapat banyak platform yang digunakan bagi melancarkan kelas hafazan tersebut. Antaranya seperti aplikasi zoom, google meet dan whatsapp video call. Aplikasi-aplikasi secara tidak langsung dapat membantu guru dan pelajar untuk meneruskan sesi pembelajaran mereka. Waktu kelas hafazan al-Quran pelajar dilaksanakan sama seperti waktu kelas bersemuka sebelum ini. Platform dan aplikasi ini dapat membantu guru dan pelajar berinteraksi secara dua hala.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Pengumpulan data dikumpul melalui soal selidik yang diedarkan kepada 30 orang pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya. Pemilihan pelajar tingkatan dua tersebut dipilih disebabkan mereka terlibat secara langsung dalam kelas hafazan secara bersemuka dan kelas hafazan secara atas talian. Borang soal selidik dibina, disemak dan telah mendapat kesahan pakar bidang sebelum diedarkan kepada responden. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan aplikasi *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 27.0.

Kebolehpercayaan instrument kajian diukur dengan menggunakan alpha Cronbach. Kaedah ini merupakan kaedah terbaik untuk menguji konsistensi setiap item dalam sesuatu skala (Tavakol, M & Dennick, 2011). Nilai alpha yang terbaik adalah antara 0.7 hingga 0.95 (Nunnally & Bernstein, 1994). Berdasarkan jadual 5.1, nilai alpha Cronbach pemboleh ubah adalah di antara 0.74 hingga 0.85, maka nilai alpha Cronbach kajian telah dicapai.

Jadual 5.1 Nilai alpha Cronbach Pemboleh Ubah dalam kajian

Pemboleh ubah	Kajian Rintis (nilai alpha)
---------------	-----------------------------



Sikap pelajar terhadap hafazan atas talian	0.79
Sikap pelajar terhadap hafazan secara bersemuka	0.84

Seterusnya. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi item-item dalam soal selidik. Schweigert (1994), telah mencadangkan pengiraan interval hendaklah nilai skor tinggi ditolak dengan nilai skor rendah, kemudian dibahagi kepada bilangan interval atau kategori yang diinginkan. Dalam kajian ini, tahap ditentukan melalui cara pengiraan seperti berikut:

Nilai maksimum – nilai minimum

Bilangan kategori

Nilai maksimum skala likert = 5

Nilai minimum skala likert = 1

Bilangan kategori = 3 tahap

$\frac{5-1}{3}$

= 1.33

Oleh itu, jadual penentuan tahap bagi pemboleh ubah ditentukan melalui cara pengiraan tahap nilai skor seperti dalam jadual di bawah

Jadual 5.2 Jadual penentuan sikap pelajar terhadap hafazan

Selang skala min	Tahap
1.00 -2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Schweigert 1994; Dyer 2006

6.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan mendapati 60% pelajar tahfiz yang memasuki SMKA Putrajaya dengan kehendak sendiri dan selebihnya atas dorongan ibu bapa mereka. Pelajar tahfiz juga mengakui bahawa pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran secara bersemuka (63.3%) lebih berkesan berbanding dengan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian (36.7%). Jadual 1 menunjukkan jadual berkaitan latar belakang hafazan responden kajian.

Jadual 1: Latar belakang hafazan responden kajian

Klasifikasi	Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Faktor Memilih Bidang Tahfiz	Dorongan ibu bapa	12	40.0
	Kehendak sendiri	18	60.0
PdP yang lebih fokus untuk menghafaz al-Quran	Atas talian	11	36.7
	Bersemuka	19	63.3

Berdasarkan hasil kajian dalam jadual, item “Saya jujur tidak lihat mushaf al-Quran ketika tasmik secara dalam talian” mendapat nilai skor min yang tertinggi diikuti dengan item “Saya dapat merasai perbezaan kelas tasmik secara bersemuka dan secara dalam talian” dan “saya mempunyai peranti sendiri untuk memasuki kelas secara dalam talian”. Ketiga-tiga item ini menunjukkan bahawa pelajar tahfiz sedar akan perbezaan perjalanan kelas tasmik secara bersemuka dan secara atas talian. Bagi melancarkan perjalanan kelas hafazan secara atas talian, pelajar tahfiz mempunyai peranti sendiri untuk



memasuki kelas hafazan yang dijalankan. Pelajar tahfiz juga mengakui bahawa mereka berlaku jujur tidak melihat mushaf al-Quran ketika tasmik secara atas talian. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar tahfiz bersikap positif walaupun kelas dijalankan secara atas talian.

Namun akibat pengaruh persekitaran dan suasana yang kurang memberangsangkan menyebabkan pelajar tahfiz tidak dapat masuk ke kelas tepat pada waktu yang ditetapkan. Hasil kajian mendapati pelajar tidak dapat masuk ke kelas tepat pada waktu yang ditetapkan adalah kerana terdapat gangguan di rumah. Kemungkinan disebabkan gangguan dari adik beradik dan keluarga, liputan internet tidak bagus di kawasan tempat tinggal mereka. Selain itu, tiada suasana mengaji dan menghafaz menyebabkan pelajar kurang bermotivasi dan kurang disiplin menghafaz. Oleh kerana itu, pelajar sukar untuk mendapatkan modal hafazan baru di rumah dan untuk ditasmik kepada guru pada waktu kelas. Faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak dapat menghafaz dan menyediakan modal hafazan adalah disebabkan suasana di rumah tidak sama dengan di sekolah untuk mereka menghafaz. Suasana di rumah tidak dapat bantu pelajar untuk fokus menghafaz kerana adanya televisyen yang membuatkan mereka tertarik untuk menonton berbanding menghafaz. Selain itu, mereka lebih gemar menghabiskan masa dengan gajet dan melayari internet.

Jadual 2: Sikap pelajar terhadap hafazan secara atas talian

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Saya tidak dapat datang kelas tepat pada waktunya kerana terdapat gangguan di rumah.	2.57	1.36
2.	Saya kurang bermotivasi menghafaz al-Quran di rumah kerana tiada suasana mengaji.	2.57	1.28
3.	Saya kurang berdisiplin ketika menghafaz al-Quran di rumah	3.10	1.24
4.	Saya jujur tidak lihat mushaf al-Quran ketika tasmik secara dalam talian.	4.60	0.89
5.	Saya tidak suka menghafaz al-Quran secara dalam talian.	2.83	1.15
6.	Saya hanya menghafaz al-Quran ketika saya mempunyai emosi yang baik apabila di rumah.	2.90	1.42
7.	Saya sukar mendapatkan modal tasmik di rumah	2.60	1.25
8.	Saya tidak selesa untuk menghafaz al-Quran di rumah.	2.47	1.33
9.	Saya tidak melakukan ulangan murajaah ayat hafazan yang lama ketika di rumah.	3.03	0.85
10.	Suasana di rumah tidak dapat membantu saya untuk fokus dalam menghafaz al-Quran.	2.63	1.19
11.	Saya dapat merasai perbezaan kelas tasmik secara bersemuka dan secara dalam talian.	4.50	0.63
12.	Saya mempunyai peranti sendiri untuk memasuki kelas secara dalam talian	4.30	0.99
13.	Saya susah mendapatkan capaian internet yang baik di rumah.	2.50	1.28
14.	Saya kurang mahir menggunakan platform yang digunakan oleh guru tasmik ketika kelas berlangsung secara dalam talian.	1.93	1.02
15.	Saya banyak menghabiskan masa dengan telefon di rumah menyebabkan saya tidak konsisten untuk tasmik setiap hari.	2.90	1.09

Hasil dapatan yang diperoleh dari sikap pelajar terhadap hafazan secara bersemuka mendapati item yang mendapat skor min paling tinggi ialah “Saya jujur tidak melihat mushaf al-Quran ketika tasmik secara bersemuka”. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar tahfiz mempunyai sikap yang baik dan mempunyai adab yang tinggi dengan al-Quran. Selain itu, item yang menunjukkan skor min yang tinggi iaitu “Saya tidak dibenarkan membawa peranti ke sekolah” sangat membantu pelajar untuk lebih fokus menghafaz al-Quran.



Hasil dapatan lain juga mendapati pelajar tahfiz mengakui bahawa suasana di sekolah membantu mereka untuk menghafaz al-Quran. Pelajar lebih selesa menghafaz di sekolah kerana lebih mudah fokus dan tiada gangguan seperti gangguan dari adik beradik lain, gangguan gajet dan internet. Pelajar tahfiz juga mengatakan mereka bermotivasi untuk menghafaz kerana di sekolah ada suasana mengaji dan sentiasa datang kelas tepat pada waktu. Item “tidak membawa peranti ke sekolah, jujur tidak melihat al-Quran ketika tasmik, sentiasa datang ke kelas tepat pada waktu” menunjukkan pelajar mempunyai disiplin yang tinggi untuk menghafaz al-Quran.

Jadual 3 Sikap pelajar terhadap hafazan Secara bersemuka

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Saya sentiasa datang kelas tepat pada waktunya di sekolah.	3.80	0.93
2.	Saya sangat bermotivasi menghafaz al-Quran di sekolah kerana adanya suasana mengaji.	3.97	0.93
3.	Saya sangat berdisiplin ketika menghafaz al-Quran di sekolah.	3.63	0.85
4.	Saya jujur tidak lihat mushaf al-Quran ketika tasmik secara bersemuka	4.67	0.66
5.	Saya suka menghafaz al-Quran di sekolah.	3.80	1.06
6.	Saya hanya menghafaz al-Quran ketika saya mempunyai emosi yang baik apabila di sekolah	3.07	1.23
7.	Saya senang mendapatkan modal tasmik di sekolah.	3.43	1.22
8.	Saya sangat selesa untuk menghafaz al-Quran di sekolah.	3.77	0.97
9.	Saya selalu melakukan ulangan murajaah ayat hafazan yang lama ketika di sekolah.	3.60	0.97
10.	Suasana di sekolah sangat membantu saya untuk fokus dalam menghafaz al-Quran.	3.77	0.97
11.	Saya sentiasa mengikuti jadual harian sekolah yang disediakan	3.60	0.97
12.	Saya tidak dibenarkan membawa peranti ke sekolah	4.63	0.62
13.	Saya dapat membahagikan masa antara subjek akademik dan hafazan al-Quran.	3.30	0.92
14.	Saya mempunyai jadual hafazan yang tersendiri untuk mencapai target hafazan saya.	3.33	1.12
15.	Saya selalu mendapat bantuan daripada guru dan rakan-rakan dalam menghafaz al-Quran.	3.77	1.04

7.0 PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian yang diperoleh dari sikap pelajar tahfiz secara atas talian dan secara bersemuka menunjukkan pelajar tahfiz lebih selesa menghafaz di sekolah berbanding di rumah. Ketika di sekolah, pelajar tahfiz dapat menghadiri ke kelas hafazan tepat pada waktu berbanding kelas hafazan secara atas talian. Hal ini disebabkan oleh suasana dan persekitaran sangat mempengaruhi pelajar untuk lebih cenderung dan minat untuk menghafaz. Suasana menghafaz bersama-sama rakan di sekolah juga mempengaruhi mereka hadir ke kelas tepat pada waktu. Berbeza ketika berada di rumah, mereka tidak dapat masuk ke kelas tepat pada waktu disebabkan oleh gangguan internet yang tidak bagus di kawasan kediaman, gangguan dari adik beradik dan ahli keluarga dan gangguan gajet. Apabila di rumah, pelajar tahfiz mudah terleka dengan gajet dan lebih gemar melayari internet menyebabkan hilang fokus dan kurang disiplin terhadap hafazan al-Quran. Kajian Norlizah Che Hassan et al. (2017); Muhammad Shafiq & Noraini (2018) mendapati bahawa faktor persekitaran merupakan faktor terpenting dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar.



Menghafaz al-Quran memerlukan fokus dan disiplin yang tinggi untuk mengingat ayat-ayat al-Quran yang dihafaz. Ia mengambil masa 30 minit ke 60 minit untuk menghafaz satu muka surat. Adakalanya apabila mereka terleka melayari internet sehingga lewat malam atau melebihi masa menyebabkan pelajar tahfiz tidur lewat dan sukar untuk bangun pada waktu pagi. Berbeza ketika berada di sekolah, mereka dipenuhi dengan aktiviti yang dapat meningkatkan fokus dan mereka perlu tidur awal untuk ke kelas hafazan keesokan harinya. Kajian Hassan et al. (2017), kaedah pembelajaran hafazan al-Quran sangat berbeza dengan kaedah pembelajaran akademik. Kaedah pembelajaran hafazan bersifat sendiri memerlukan komitmen dan kesungguhan dari diri setiap pelajar sendiri. Oleh itu, disiplin dan komitmen dari pelajar amat penting dalam pembelajaran hafazan.

Namun, berdasarkan dapatan kajian, walaupun pelajar tahfiz lebih selesa tasmik secara bersemuka, namun kelas hafazan tetap berjalan seperti biasa untuk mengelakkan hafazan mereka tercicir dan terjejas. Akan tetapi guru perlu lebih berusaha untuk menjadi lebih kreatif untuk menarik minat pelajar tasmik walaupun secara dalam talian. Berdasarkan kajian lain, terdapat guru yang memberi kelonggaran untuk menerima hafazan walaupun waktu kelas sudah tamat. Terdapat juga guru yang sanggup menghubungi pelajar seorang demi seorang dan memberi nasihat dan galakan untuk pelajar menghafaz, tasmik dan menyempurnakan tugas-tugas lain. Hal ini membuktikan bahawa tugas guru tahfiz itu bukan semata-mata untuk pelajar tahfiz menghafaz Sahaja, akan tetapi bimbingan dan pantauan dari guru tersebut sangat membantu pelajar tahfiz berjaya menamatkan hafazan mereka. Kajian Muhammad Shafiq & Noraini (2018) mendapati terdapat hubungan signifikan antaran faktor bimbingan guru dengan pencapaian pelajar. Oleh itu, tanpa peranan guru, pelajar juga akan berhadapan dengan kesukaran menghafaz dan masalah dalam pembelajaran. Namun bimbingan guru dalam konteks hafazan adalah merujuk kepada keprihatinan guru terhadap pelajar. Kecemerlangan yang diperoleh pelajar juga dating dari sokongan dan bimbingan guru.

Justeru, ketika di rumah ibu bapa juga harus memainkan peranan penting untuk memantau dan mengawal aktiviti anak-anak agar mereka tidak lalai dan terleka untuk menghafaz. Walaupun ibu bapa sibuk bekerja dan menguruskan rumah tangga dan anak-anak lain, ibu bapa perlu memantau anak-anak dengan menyuruh pelajar membuat dan patuh dengan jadual harian mereka. Ibu bapa juga perlu mengambil berat terhadap perkembangan hafazan anak-anak. Fathiyah et al. (2016) mengatakan dalam kajiannya, sokongan yang diperlukan anak-anak adalah sokongan berupa sokongan emosi dan rohani. Walaupun ibu bapa tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tahfiz, namun sokongan ibu bapa dalam bentuk keprihatinan, kasih sayang dan komunikasi sangat membantu anak-anak untuk kekal konsisten menghafaz. Anak-anak sebenarnya lebih memerlukan sokongan ibu bapa sebagai tempat mereka bersandar dan meluahkan emosi mereka (Anuar & Norhaidawati, 2016).

8.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perjuangan untuk menghafaz al-Quran perlu ada dalam diri pelajar tahfiz. Komitmen dan kesungguhan dari pelajar tahfiz terhadap hafazan al-Quran harus ditanam dan dipupuk dalam diri pelajar tahfiz. Dalam menamatkan perjuangan khatam al-Quran pastinya terdapat ujian dan cabaran yang perlu ditempuhi oleh setiap pelajar. Penularan Covid-19 yang melanda dunia, memberi cabaran baru buat pelajar tahfiz. Namun hasil usaha gigih dari kesemua pihak ibu bapa, guru dan pelajar pastinya pelajar tahfiz dapat menamatkan hafazan al-Quran dengan jayanya.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada SMKA Putrajaya yang memberi Kerjasama dalam penulis menjalankan kajian.



RUJUKAN

- Ashraf Ismail; Khazri Osman, Nurul Huda binti Hassan. 2020. Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hamdi Ishak; Siti Fatimah Mohd Maiyurid & Sabri Mohamad. 2021. Pengajaran Tilawah Al-Quran Murid Sekolah Rendah Secara Maya Semasa Pandemik Covid-19. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*; 7(1), 2021 50-57, e-ISSN: 2289-960X
- Mohd Rafiqi Bin Mohd Razali, Muhammad Fayadh Rizqin Bin Ruzlan, Muhammad Naufal Bin Sulaiman, Syed Najihuddin bin Syed Hassan. 2022. Cabaran Perlaksanaan Pengajian Hifz Al-Quran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid- 19, Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK) Kali ke-7. 725- 738.
- Nordin Ibrahim. 2019. Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Penghafaz Al-Quran. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Abdul Hafiz bin Haji Abdullah; Hussin bin Salamon; Azmi Shah Suratman; Sulaiman Shakib bin Mohd Noor; Kamarul Azmi bin Jasmi; Abdul Basit Bin Samat @ Darawi. 2005. Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Yang Eektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Amirul Anwar bin Ahmad Khairul Anam, Muhammad Afiq bin Adnan, Mohamad Irsyad bin Mohamad Shahri @ Shaari; Syed Najihuddin Bin Syed Hassan. 2022. Kaedah Pembelajaran Tahfiz Pasca Covid-19, Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK) Kali ke-7. 1025-1035
- Azhar Ahmad & Hairul Hisyam Bin Adam 2018. Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Kementerian Pendidikan Malaysia. *Jurnal Kurikulum Bahagian Pembangunan Kurikulum*. Volume 1, No. 1, 2018, 119-129)
- Fathiyah Mohd Fakhrudin, Sharini Che Ishak, Asmawati Suhid, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. 2020. Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*: Vol. 17 (No. 2) July 2020: 311-340
- Hayati Hussin et al. (2021). Medium Pdpr Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Analisis Penggunaan Teknologi Di Kalangan Pelajar Di Universiti Awan Dan Swasta. *Proceeding the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT) 2021* (pp. 911-926). Faculty of Quranic and Sunnah Studies: Universiti Sains Islam Malaysia
- Kamal Azmi Muhammad Yusuf Marlon; NurZatil Ismah, Ahmad Faqih Ibrahim; Zanariah Dimon; Sahlawati Abu Bakar. 2015. Metodologi Penyelidikan: Asas-asas Ilmu Penyelidikan Islam. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Khairul Naim et al. 2020. Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Perak (Sman), *Jurnal Al Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol 7 Bil 2.
- Muhammad Fadly. 2011. Pengajian Al-Quran Dalam Kalangan Golongan Kelas Menengah: Tumpuan Kajian Di Masjid-Masjid Terpilih Di Kuantan, Pahang. Tesis. Universiti Malay
- Nik Md Saiful Azizi & Rabi'atul Athirah Muhammad Isa. 2020. Sejarah Dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. *Jurnal Darul Quran JAKIM*.



Muhammad Toriq & Abdul Razak Bin Mohd Zain. 2021. Amalan Teknik Hafazan Al-Quran Di Darul Quran
Laporan Penyelidikan Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Periasamy D.M (2020), “Pelaksanaan PKP untuk jaga kesihatan rakyat”, available at
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelaksanaan-pkp-untuk-jaga-kesihatanrakyat-23826>